



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/03/24_24 (HQ)

TNB BELANJA RM1.5 JUTA UNTUK ANJUNG KASIH KE EMPAT

- Naik taraf Anjung Kasih YKN Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu
- Teruskan budaya korporatnya yang prihatin terhadap kesejahteraan rakyat

Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan inisiatif menaik taraf infrastruktur penginapan sementara yang selamat lagi selesa untuk ahli keluarga pesakit di hospital-hospital kerajaan, dengan terkini di Hospital Raja Perempuan Zainab II di Kota Bharu, Kelantan.

Kemudahan percuma dinamakan Better Brighter Anjung Kasih Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di hospital itu adalah yang keempat ditaja oleh TNB. Ia merupakan sebahagian daripada inisiatif TNB yang menzahirkan sikap prihatinnya terhadap kesejahteraan rakyat, kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din.

Tajaan naik taraf bernilai RM1.5 juta itu meliputi kos baik pulih bangunan, peralatan dan kelengkapan serta biaya penyelenggaraan bagi tempoh lima tahun mulai 2023 hingga 2028.

"Penyediaan kemudahan tersebut adalah antara komitmen TNB dalam mengutamakan kesejahteraan rakyat, khususnya para waris dari luar bandar, yang kurang berkemampuan untuk menyewa penginapan, serta tidak mampu menampung kos ulang alik pengangkutan bagi rawatan susulan atau menunggu giliran pembedahan.

"Tanpa kemudahan ini, ada waris pesakit yang terpaksa menjadikan tepi katil wad, lobi hospital, surau, ruang-ruang menunggu dan kawasan-kawasan lain di persekitaran hospital sebagai tempat untuk berehat dan tidur, sementara menemani ahli keluarga yang sedang menjalani rawatan di wad-wad hospital," katanya.

Penyerahan cek tajaan disempurnakan di dewan auditorium hospital berkenaan pada 17 Mac, yang dihadiri Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengurus Lembaga Pemegang Amanah YKN, Datuk Seri Rina Mohd Harun.

Turut hadir, Pengarah Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu Kelantan, Dato' Dr. Hajah Selasawati Ghazali, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara Malaysia, Nordina Haron dan Ketua Pegawai TNB Global Business Solutions, Ahmad Hushairi Ibrahim.

S.A. 2022/03/24_24 (HQ)

Sebelum ini, TNB melalui inisiatif Tanggungjawab Korporat (CR) sudah menaja naik taraf tiga rumah transit iaitu Better Brighter Dormitory IJN Foundation di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur (2017); Better Brighter Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang, Selangor (2018) dan Better Brighter Anjung Kasih YKN Hospital Melaka (2020).

“Di IJN sahaja sudah lebih 40 ribu ahli keluarga pesakit memanfaatkan kemudahan tersebut, manakala di Hospital Serdang lebih 800 waris pesakit,” kata Baharin.

Beliau menjelaskan penajaan untuk Hospital Raja Perempuan Zainab II dijangka membolehkan kemudahan Anjung Kasih di situ menampung sehingga 60 orang penginap pada satu-satu masa, berbanding ruang sedia ada yang hanya boleh digunakan 20 orang tanpa ruang rehat yang sempurna dan tidur di atas lantai.

TNB adalah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) pertama yang menaja kerja-kerja naik taraf rumah transit kendalian YKN di hospital-hospital kerajaan, seperti mana budaya korporatnya yang sentiasa menyentuh keperluan rakyat dalam beberapa bidang meliputi pendidikan, sosio ekonomi dan sukan serta alam sekitar.

Menurut Baharin, sikap prihatin terhadap kesejahteraan rakyat ini adalah manifestasi usaha memperkasa komitmen TNB terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang menjadi pertimbangan masa kini para pemegang taruh dan para pelabur.

Malah, katanya, ia menepati agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG - Sustainable Development Goals) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang antaranya menyasarkan manusia dapat menikmati kemakmuran melalui keseimbangan ekonomi, sosial dan alam sekeliling.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 24 March 2022, jam 10:00 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Ketua Pegawai TNB Global Business Solutions, Ahmad Hushairi Ibrahim (paling kanan) menyerahkan replika cek RM1.5 juta untuk projek Better.Brighter Anjung Kasih YKN Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) Nordina Haron (dua kiri), di auditorium hospital berkenaan pada 17 Mac 2022.

Ia disaksikan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (dua kanan) dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengurus Lembaga Pemegang Amanah YKN, Datuk Seri Rina Mohd Harun (tengah). Turut hadir Pengarah hospital, Dato' Dr. Selasawati Ghazali (paling kiri).